

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

HSM 414 Sejarah Masalah Perburuhan Malaysia

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Semangat perjuangan tidak berasal daripada kaum buruh sendiri tetapi hasil daripada perancangan pertubuhan-pertubuhan luar. Sejauh manakah pencetusan mogok-mogok buruh China dan India sebelum Perang Dunia Kedua menggambarkan kebenaran pernyataan ini?
2. Mengapakah pendudukan Jepun boleh dianggap sebagai titik perubahan dalam sejarah perburuhan di Tanah Melayu?
3. Undang-undang kesatuan sekerja adalah bermatlamat mengharamkan penubuhan kesatuan sekerja yang berbentuk umum. Bincangkan.
4. Dalam perjuangan kaum buruh di antara 1946 dan 1948, Kesatuan Sekerja Umum SeMalaya berjaya menarik sebahagian besar kaum buruh China dan India. Mengapa?
5. Objektif dasar kesatuan sekerja kerajaan ialah penubuhan kesatuan sekerja yang berdasarkan industri, bersifat demokratik dan bersedia bekerjasama dengan pihak kerajaan untuk menentang Parti Komunis Malaya. Bagaimanakah pihak kerajaan melaksanakan dasar ini di antara 1946 dan 1950?

6. Bincangkan asal usul Majlis Kesatuan Sekerja Malaya (Malayan Trade Union Council) dan mengapakah ia tidak didaftarkan di bawah Undang Kesatuan Sekerja.
7. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan pada tahun 1950an untuk mewujudkan suatu sistem perhubungan industri yang teratur di antara pihak majikan dan pekerja?

-00000000-